Kepentingan Pengguna Terus Diutamakan dalam Pelaksanaan Mekanisme AFA

Suruhanjaya Tenaga (ST) memaklumkan bahawa kadar Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (*Automatic Fuel Adjustment* – AFA) bagi tempoh 1 hingga 30 November 2026 di Semenanjung Malaysia adalah **RM0.0360/kWj,** berbanding RM0.0361/kWj pada Oktober 2026. Kadar ini merupakan penurunan sebanyak RM0.0001/kWj (0.01 sen/kWj) berbanding bulan sebelumnya.

Kadar AFA Bulanan

Tempoh	Kadar AFA
1 hingga 30 November 2026	RM0.0360/kWj

Maklumat lanjut mengenai tarif elektrik dan mekanisme AFA boleh dirujuk melalui laman web rasmi Single Buyer di https://www.singlebuyer.com.my/Generation-Info-Tariff/automatic-fuel-adjustment-(afa) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) di https://www.mytnb.com.my/tariff. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pelaksanaan AFA dan kesannya terhadap bil elektrik boleh diajukan kepada TNB melalui saluran khidmat pelanggan rasmi TNB.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.